

Headline	50 keluarga miskin terima manfaat Program Komuniti AmBank-MyKasih		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)	Color	Full Color
Date	03 Jun 2013	Circulation	238,082
Section	News	Readership	833,287
Page No	27	ArticleSize	232 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 2,187
Journalist	N/A	PR Value	RM 6,562
Frequency	Daily		



50 keluarga miskin terima manfaat Program Komuniti AmBank-MyKasih

PULAU PINANG 2 Jun - Sebanyak 50 keluarga miskin di kawasan Bayan Baru di sini menerima sumbangan bernilai RM104,000 menerusi Program Komuniti AmBank-MyKasih yang dilancarkan di negeri ini.

Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim berkata, ini merupakan kali kedua AmBank berusaha meringankan beban keluarga kurang berkemampuan di negeri ini.

Menurutnya, program selama setahun itu menyediakan sumbangan RM20 kepada setiap keluarga untuk tempoh seminggu bagi membantu mereka membiayai kos pembelian makanan harian dengan menunjukkan MyKad di kaunter.

"Kita bekerjasama dengan pasar raya besar Giant dalam program ini dan setiap keluarga boleh membeli barang keperluan dapur seperti beras, gula, tepung, susu dan mi-

nyak masak dengan hanya menggunakan kredit yang sudah dimasukkan ke dalam MyKad mereka.

"Program seperti ini membantu kami berperanan secara berkesan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dari segi sosial untuk membantu golongan kurang berkemampuan.

"Setiap minggu MyKad mereka akan dikreditkan dengan nilai RM20 dan RM80 untuk sebulan bagi tempoh selama setahun. Mereka hanya perlu membawa MyKad untuk membeli barang keperluan berkenaan," katanya selepas majlis pelancaran Program Komuniti Am-

Bank-MyKasih di pasar raya besar Giant Bayan Baru di sini.

Yang turut hadir Pengarah Yayasan MyKasih, Jeffrey Perera.

Menurut Azman lagi, AmBank telah memperuntukkan RM1 juta setiap tahun bagi program itu.



AZMAN Hashim (dua dari kiri) menolong salah seorang penerima bantuan MyKasih meletakkan barang keperluan rumah yang dibeli di dalam plastik pasar raya besar Giant Bayan Baru, Pulau Pinang, semalam.